

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA :

**Y.B. Puan Hajah Normala binti Abdul Samad
[Pasir Gudang]**

TARIKH :

2.4.2014

SOALAN :

Y.B. Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisma yang digunakan untuk mengawal penguatkuasaan dan pemantauan terhadap pusat-pusat tuisyen swasta berkenaan dengan sukatan dan kaedah pembelajaran serta kelayakan tenaga pengajar yang digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa melaksanakan pemeriksaan pematuhan dasar ke atas pusat tuisyen. Pemeriksaan merangkumi aspek pematuhan kepada akta dan peraturan berkaitan pendaftaran dan piawaian. Pemeriksaan dan pengawalseliaan dijalankan juga secara berkala oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah, termasuk pemeriksaan berdasarkan aduan serta pemeriksaan mengejut. Sehingga 31 Januari 2014 terdapat 3,322 buah pusat tuisyen dengan 8,373 orang guru di pusat tuisyen berdaftar di seluruh negara.

Setiap pusat tuisyen hanya dibenarkan menjalankan kurikulum atau sukatan pelajaran atau kursus atau subjek yang diluluskan seperti dalam Perakuan Pendaftaran Institusi. Pusat tuisyen itu sendiri dibenarkan beroperasi atas

tujuan memberi bimbingan kepada murid yang sedia berdaftar dengan institusi pendidikan untuk mengambil peperiksaan.

KPM juga mengawal kelayakan guru yang mengajar di pusat tuisyen melalui pengeluaran permit mengajar iaitu guru perlu memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan berdasarkan Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 5/1995 untuk Permohonan Permit Mengajar bagi Guru-guru Sekolah/Institusi Pendidikan Swasta dan Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 4/1995 Permohonan Perakuan Pendaftaran Guru.

Rjm97

SOALAN (20)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)

**DARIPADA : Y.B. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**

SOALAN :-

Y.B. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk membangunkan kemudahan kompleks tempat letak kereta bertingkat di Kuala Perlis bagi mengatasi masalah ruang meletak kenderaan yang tidak mencukupi dan lebih efisen bagi pelancong yang ingin meletakkan kenderaan untuk ke Pulau Langkawi.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyediakan peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melaksanakan projek-projek kecil yang merangkumi skop pembangunan infrastruktur, kemudahan awam dan sosio-ekonomi. Dalam hal ini, pembinaan kompleks letak kereta memerlukan perbelanjaan yang besar jika dibandingkan dengan pelaksanaan projek-projek kecil yang lain.

Setakat ini, Kementerian tidak menerima permohonan cadangan pembangunan projek kemudahan kompleks tempat letak kereta bertingkat daripada Majlis Perbandaran Kangar (MPK), Perlis. Perancangan awal boleh dibuat oleh MPK, terutamanya bagi projek-projek yang menjadi keutamaan kepada PBT untuk dilaksanakan dan Kementerian akan meneliti cadangan projek tertakluk kepada kesesuaian dan peruntukan sedia ada.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
April 2014